



CKE.BVIR.01.2012
JKR 20300-0065-12

VIR

visionary.informative.responsive

CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

KECEKAPAN TENAGA
definisi, usaha & tips

Penguatan
INTEGRITI
di CKE

T5 Lamp :
characteristics &
benefits

Anugerah
milik **CKE**
sepanjang 2011

Langkah-langkah dan insentif yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mencapai energy efficiency dalam penggunaan alat-alat elektrik dan amalan penjimatan elektrik.

Kerajaan sentiasa menggalakkan amalan Kecekapan Tenaga melalui program-program meningkatkan kesedaran semua pengguna yang dilaksanakan secara tahunan pada bulan November dan dikenali sebagai Program Energy Month. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dalam bulan ini adalah seperti seminar, pameran dan edaran-edaran risalah dan buku panduan mengenai kepentingan dan cara-cara untuk menggunakan tenaga dengan cekap.

Selain itu, Kementerian melalui Centre of Training and Education for Renewable Energy and Energy Efficiency (CETREE) di Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang juga melaksanakan aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan kesedaran dan membentuk tabiat penggunaan tenaga dengan cekap dalam kehidupan seharian di kalangan pelajar-pelajar sekolah dan universiti serta guru-guru.

Kerajaan juga telah menyediakan kemudahan insentif fiskal bagi syarikat yang melaksanakan amalan Kecekapan Tenaga seperti pemberian Taraf Perintis (Pioneer Status) dan Elaun Cukai Pelaburan (Investment Tax Allowance). Selain itu, Pengcualian Duti Import dan Cukai Jualan juga diberikan bagi peralatan elektrik domestik seperti peti sejuk, kipas domestik, penyaman udara domestik, motor cekap tenaga (High Efficiency Motors), televisyen, bahan penebat, lampu dan ballast untuk lampu fluorescent. Sistem penarafan kecekapan tenaga (STAR rating) untuk kelengkapan elektrik domestik telah diperkenalkan dan akan dipertingkatkan untuk membolehkan orang ramai memilih kelengkapan elektrik yang mempunyai ciri cekap tenaga.

Dari segi perundangan, Kerajaan juga telah menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Pengurusan Tenaga Elektrik Dengan Cekap 2008 mulai 15 Disember 2008 di mana pengguna yang menggunakan tenaga elektrik melebihi 3 juta kW dalam tempoh 6 bulan dikehendaki menguruskan tenaga elektrik di premis masing-masing dengan cekap melalui pelantikan pengurus tenaga berdaftar dan menghantar laporan berkala kepada Suruhanjaya Tenaga. Dengan ini, penggunaan tenaga di bangunan-bangunan akan dapat dipantau bagi menjamin penggunaan tenaga secara optimum.

Inisiatif Kerajaan dalam Peningkatan Kecekapan Penggunaan Tenaga di Bangunan Pejabat.

Kerajaan telah menjalankan beberapa inisiatif untuk mempromosikan kecekapan tenaga di sektor bangunan. Antara inisiatif tersebut adalah :

Garis panduan untuk kecekapan tenaga dalam bangunan menjadi kod amalan iaitu MS 1525 (Code of Practice on Energy Efficiency and Use of Renewable Energy for Non-Residential Building) (2001) dikemaskini pada tahun 2007.

Memperkenalkan Bulan Tenaga (Energy Month) pada bulan November setiap tahun.

Pengcualian cukai import dan jualan untuk peralatan cekap tenaga.

Menyediakan dan mengedarkan Garis Panduan Penjimatan Tenaga Melalui Penetapan Suhu Pada Tahap Minimum 24°C Di Bangunan Kerajaan.

Menyediakan Buku Panduan Menggunakan Tenaga Dengan Cekap Di Rumah

Peningkatan kesedaran penjimatan tenaga melalui seminar, kempen, liputan media massa dan pendedaran poster.

Memperkenalkan Program Rebat SAVE bagi pembelian kelengkapan elektrik cekap tenaga.

PENGENALAN

Penggunaan tenaga elektrik dengan cekap adalah satu usaha Kerajaan dalam mengambil langkah-langkah untuk menguruskan sumber tenaga negara dengan cekap dan berkesan. Perkara ini penting di laksanakan kerana negara mempunyai corak penggunaan tenaga yang semakin meningkat selari dengan kadar pembangunan ekonomi. Dunia juga sedang menghadapi pelbagai cabaran kerana sumber tenaga fosil seperti minyak, gas dan arang batu semakin berkurangan dan harganya turut meningkat. Oleh itu, Kerajaan perlu menerajui langkah untuk menggunakan tenaga dengan cekap.

APAKAH KECEKAPAN TENAGA?

Kecekapan tenaga (elektrik) bermakna menggunakan tenaga elektrik yang minima untuk menyempurnakan kerja yang sama di pejabat. Ini juga bermakna anda akan dapat mengurangkan perbelanjaan untuk penggunaan tenaga elektrik disamping dapat menikmati kemudahan yang sama.

MENGAPAKAH KITA PERLU MENGGUNAKAN TENAGA ELEKTRIK DENGAN CEKAP?

Untuk mengurangkan penggunaan bahan api fosil (gas dan arang batu) yang :

- Bekalannya semakin susut
- Kos yang semakin tinggi
- Menghasilkan gas-gas berbahaya yang boleh membawa kesan buruk kepada kesihatan manusia dan alam sekitar,
- Untuk memelihara alam sekitar yang merupakan satu-satunya warisan kita untuk generasi akan datang; dan
- Untuk mengurangkan perbelanjaan kos utiliti elektrik pengguna

Kejohanan Bowling 3 Penjuru 2011

Ahad, 15 Mei 2011
Cosmic Bowl, Midvalley Megamall



Kejohanan Badminton 3 Penjuru (Piala Pusingan KJEN Selangor)

Sabtu, 18 Jun 2011

Kompleks Belia & Sukan
Wilayah Persekutuan,
Jalan Kg Pandan,
(Piala Pusingan KJEN Selangor)





Kejohanan Futsal 3 penjuru JKR Elektrik

Ahad, 24 Julai 2011
Triways Futsal Padang Jawa

Kategori Lelaki

Johan :
JKR Elektrik Selangor

Naib Johan :
JKR Elektrik Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tempat Ke3 :
JKR Elektrik HQ

Kategori Wanita

Johan :
JKR Elektrik Selangor

Naib Johan :
JKR Elektrik Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tempat Ke3 :
JKR Elektrik HQ



Lawatan Panel Penilai Anugerah Piagam Pelanggan 2011

Bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Cawangan Kejuruteraan Elektrik, sesi lawatan oleh Panel Anugerah Piagam Pelanggan Terbaik JKR ke cawangan ini telah diadakan pada 15 Ogos 2011. Lawatan selama dua (2) jam bermula dari jam 9 pagi hingga 11 pagi ini telah dihadiri oleh seramai (10) orang panel penilai daripada pelbagai cawangan di JKR yang diketuai oleh Tn Hj. Shamsudin Bin Bakar beserta pegawai-pegawai kanan Cawangan Kejuruteraan Elektrik. Sesi lawatan ini diadakan setelah cawangan ini dipilih untuk disenarai pendekkan bagi memastikan Piagam Pelanggan yang digubal adalah memenuhi kriteria yang digariskan oleh pihak MAMPU melalui Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) Bil 1/2008 : Panduan Pengurusan Pelanggan.



Kumpulan "B-STREE" dari Unit BPR 'B' (Kategori Teknikal) dan Kumpulan "GEMPUR" dari "BPKS" (Kategori Pengurusan) telah terpilih untuk mewakili Cawangan Kejuruteraan Elektrik bagi membentangkan projek di Konsvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat JKR Malaysia 2011 pada 14 & 15 November 2011 di Permai Hotel, Kuala Terengganu.



Cawangan Kejuruteraan Elektrik telah Berjaya memperolehi tempat ke-3 bagi Anugerah Piagam Pelanggan JKR terbaik tahun 2011. Bersempena dengan Hari Inovasi JKR Malaysia pada 14-15 November 2011 yang diadakan di DewanBerlian, Permai Hotel, Kuala Terengganu.



Cawangan Kejuruteraan Elektrik telah dinobatkan sebagai Naib Johan Kategori Pengurusan dalam Konsvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) JKR Malaysia 2011 pada 14-15 November 2011 bersempena hari Inovasi JKR Malaysia yang berlangsung di DewanBerlian, Permai Hotel, Kuala Terengganu. Tahniah & syabas diucapkan kepada Kumpulan Gempur (BPKS) di atas kejayaan yang diperolehi semoga Cawangan Kejuruteraan Elektrik akan terus mencipta & melakarkan pelbagai kecemerlangan selepas ini.



Cawangan Kejuruteraan Elektrik telah menyertai Anugerah Pengurusan Aset Alih Terbaik Jabatan Kerja Raya Tahun 2011. Anugerah di cawangan ini telah diadakan pada 15 September 2011. Cawangan Kejuruteraan Elektrik telah mendapat Naib Johan dalam pertandingan tersebut. Cawangan mengucapkan jutaan terimakasih kepada Jawatankuasa Aset Alih CKE atas usaha dalam menggerak & melancarkan pengurusan aset alih ini.



Anugerah Tokoh JKR Cawangan/Negeri diwujudkan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada pegawai dan kakitangan yang cemerlang dalam menjalankan tugas yang dlmamanah. Cawangan Kejuruteraan Elektrik Ibu Pejabat telah mengadakan Majlis Penganugerahan Tokoh Cawangan bagi sesi Julai-Disember 2011 pada 16/12/2012 di bilik Mesyuarat Utama, Cawangan Kejuruteraan Elektrik Ibu Pejabat. Penyampaian sijil Anugerah Tokoh Cawangan telah disampaikan oleh Pengarah Kanan CKE, Tn. Ir. HJ Mohd Fazli bin Osman. Anugerah Tokoh Cawangan bagi sesi Julai-Disember 2011 ialah:

- Pegawai Pengurusan dan Profesional : Pn. Juhania Binti Mohd Alias
- Kakitangan Sokongan I : Pn. Fawaidah Binti Alias
- Kakitangan Sokongan II : Cik Reikha A/P Nalaitamby

TAHNIAH ! KITA JOHAN

Tahniah diucapkan kepada Cawangan Kejuruteraan Elektrik (CKE) di atas kejayaan dinobatkan sebagai Johan Anugerah Pengurusan Laman Web Terbaik 2011 bagi kategori Intranet. Ini merupakan kali kedua CKE menerima pengiktirafan dalam Anugerah Pengurusan Laman Web Terbaik peringkat JKR dimana pada tahun 2010, CKE telah mendapat tempat ketiga bagi kategori yang sama (Intranet).

Bagaimanapun, kejayaan kali ini lebih manis apabila CKE turut dinobatkan sebagai Johan Keseluruhan (Intranet dan Internet) dan selernya merangkumi Anugerah Kualiti Timbalan Ketua/Pengarah Kerja Raya II yang berupa Piala Pusingan serta Sijil.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Shaziman bin Abu Mansor kepada Pengarah Kanan Cawangan Kejuruteraan Elektrik, Ir. Hj. Mohd Fazli bin Osman sempena Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Malaysia di Hotel Holiday Inn, Meleka pada 30 Mei 2011.

Akhir kata, sekalung tahniah dan syabas kepada CKE di atas kejayaan tersebut dan semoga pengurusan laman web akan terus cemerlang dalam usaha untuk menjadikan laman web sebagai centre repository dan one stop centre bagi maklumat CKE dan sebagai pemudah cara dalam pembangunan profesionalisma kejuruteraan elektrik.



MESYUARAT SEKTOR



Pada 21 Jun, jam 2.30 petang Cawangan Kejuruteraan Elektrik telah menjadi tuan rumah untuk Mesyuarat Sektor Pakar Bil. 2/2011. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya III iaitu Y.Bhg. Dato' Ar. Nur Haizi Bt. Abdul Hai dan dihadiri oleh semua pengarah kanan dan pengarah dari setiap cawangan pakar JKR. Mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan isu-isu dan masalah semasa yang berkaitan dengan pelaksanaan projek serta membincangkan strategi dan pelan tindakan sektor pakar.



Mesyuarat Ketua-Ketua Jurutera Elektrik Bil 2/2011

Mesyuarat Ketua-Ketua Jurutera Elektrik JKR Bil 2/2011 telah diadakan pada 05-07 Julai 2011 di CintaSayang Golf & Country Resort, Sungai Petani, Kedah. Seramai 38orang Jurutera Elektrik terdiri daripada pegawai pengurusan dan profesional menghadiri mesyuarat ini. Sebanyak 5 pembentangan telah disampaikan dalam mesyuarat tersebut iaitu :

- Pembentangan Analisa (Design Verification, Flying Squad, Acceptance Criteria) oleh Ir. Nor Aza Bt Mohamad Husin.
- Pembentangan Energy Performance Contract oleh Tn. Hj. Baihaki Bin Azraee.
- Pembentangan Plagam Pelanggan Oleh En. Muhamed Tarmizy Bin Yaacob.
- Pembentangan Inisiatif Pelaksanaan Projek RMK10 oleh JEP PD, Pn. Nooraini Bt Ibrahim.
- Laporan Status Semasa HRMIS oleh En. Tarmizy Bin Yaacob.



5S BUDAYA KAMI...



Kemuncak aktiviti 5S CKE bagi tahun 2011 adalah pelaksanaan audit oleh pihak MAMPU yang telah diadakan pada 23 Ogos 2011 dan diwakili oleh Encik Hamzah bin Abdullah selaku Ketua Auditor MAMPU. Beberapa kriteria telah diambilkira semasa audit tersebut dijalankan seperti perancangan dan penubuhan jawatankuasa, laporan audit dalaman serta tindakan-tindakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan sepanjang masa.

Hasil daripada keputusan Audit MAMPU tersebut, CKE telah berjaya memperolehi keputusan yang baik dengan purata markah keseluruhan unit sebanyak 94.47% dan dengan pencapaian markah tersebut, CKE berjaya meraih Anugerah Persijilan 5S oleh MAMPU..

Anugerah Persijilan 5S tersebut telah disampaikan oleh Ketua Pengarah MAMPU iaitu YBhg. Dato' Mohamad Zabidi Zainal kepada Pengarah Kanan CKE, Ir.Hj. Mohd Fazli bin Osman sempena Hari Inovasi JKR Malaysia yang berlangsung di Dewan Berlian, Hotel Permai, Kuala Terengganu pada 14hb hingga 15hb November 2011.

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada seluruh warga CKE yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung.




Jadual A

Bil.	Nama Auditor	Tugas	Bahagian / Cawangan
1	Tn. Hj. Mohd Hanapi Bin Amin	KPA	Bhg. Perkhidmatan Kej. Senggara
2	En. Farid Bin Jamaludin	TKPA	Bhg. Senggara Fasilitas Jalan
3	IR. Julaila Binti Mansor	JAD	Bhg. Senggara Fasilitas Jalan
4	En. Marahakim Bin Manap	JAD	Cawangan Kejuruteraan Senggara
5	Tn. Hj. Kamarulzaman Bin Hj. Saad	JA	Bhg. Senggara Fasilitas Bangunan
6	Pn. Hasita Binti Ahmad	JAD	Cawangan Pangkalan Udara Dan Maritim
7	Pn. Mazlina Binti Muhamad	JAD	Cawangan Pengurusan Korporat

Jadual B

Bil.	Senarai Projek
1	Projek Pemasangan lampu Jalan untuk Projek Naiktaraf Jalan Tampoi, Dari Dua Lorong kepada Empat Lorong.
2	Persimpangan Bertingkat Dari Istana Baru Di Lot 3952 Jalan Duta ke Jalan Duta.
3	Pemasangan Elektrik untuk Kerja-Kerja Membaikpulih dan Menaiktaraf Bangunan Parlimen Fasa 1A: Dewan Serbaguna Dijadikan Dewan Negara Rakyat Sementara.
4	Projek Pemasangan Elektrik untuk Universiti Malaya – Fakulti Alam Bina dan Kemudahan Asas, Kuala Lumpur.
5	Projek Pemasangan Elektrik untuk Peningkatan kemudahan di Pusat Pelancongan Malaysia (MTC) Jalan Ampang, Kuala Lumpur.
6	Pemasangan Elektrik untuk Naiktaraf Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Sepang, Selangor.
7	Projek Pemasangan Elektrik untuk Balai Polis Pagoh, Johor.



Gambarajah A : Taburan NCR & OFI IQA JKR 2011

AUDIT DALAMAN SPK JKR MS ISO 9001:2008

Audit Dalaman SPK JKR MS ISO 9001: 2008 (IQA) merupakan aktiviti kualiti yang dijalankan setiap tahun bagi memastikan pelaksanaan SPK JKR dilaksanakan dengan terancang, berkesan dan memenuhi matlamat yang ditetapkan.

Cawangan Kejuruteraan Elektrik telah diaudit oleh Pasukan audit Dalaman JKR pada 25 Oktober 2011 hingga 28 Oktober 2011. Pasukan audit telah diketuai oleh Ketua Pasukan audit Tn. Hj. Mohd Hanapi Bin Amin dari Bahagian Kejuruteraan Senggara. Ahli pasukan audit adalah seperti yang tertera pada Jadual A. Senarai projek yang diaudit adalah seperti di Jadual B. Audit dalaman (IQA) ini adalah melibatkan skop perkhidmatan perundingan teknikal. Pasukan audit ini juga telah mengadakan audit di pejabat Cawangan Kejuruteraan Elektrik di mana beberapa projek telah di audit seperti di Jadual B dan pasukan audit juga telah mengadakan lawatan tapak bagi mengaudit projek - Pemasangan Elektrik untuk Kerja-Kerja Membaikpulih dan Menaiktaraf Bangunan Parlimen Fasa 1A : Dewan Serbaguna Dijadikan Dewan Negara Dan Dewan Rakyat Sementara.

Sepanjang 4 hari proses audit dijalankan, sebanyak 1 NCR minor dan 11 pemerhatian telah dikeluarkan. Sila rujuk gambarajah A, taburan prosedur IQA yang telah dikenakan NCR dan OFI pada Cawangan Kejuruteraan Elektrik.

Kesimpulannya, pasukan audit berpuashati dengan kerjasama penuh yang telah diberikan oleh pihak Cawangan Kejuruteraan Elektrik sepanjang audit dijalankan. Aktiviti-aktiviti Cawangan Kejuruteraan Elektrik juga telah dinilai dan pihak auditor mendapati Cawangan Kejuruteraan Elektrik menuju ke arah dasar dan objektif kualiti JKR. Selain itu Cawangan Kejuruteraan Elektrik juga dilihat menunjukkan usaha yang baik dalam pelaksanaan sistem kualiti berdasarkan MS ISO 9001:2008 dan secara amnya kebanyakan aktiviti yang dijalankan memenuhi keperluan prosedur dan arahan kerja. Walaubagaimana pun pihak auditor melihat masih banyak penambahbaikan boleh dilaksanakan lagi bagi memastikan pelaksanaan MS ISO 9001:2008 di Cawangan Kejuruteraan Elektrik dilaksanakan 100% dengan lebih berkesan.



T5 FLUORESCENT : A BRIEF ANALYSIS

What do the alpha numeric codes T5 and T8 actually mean?


Much has been made of the differences between T5 technology and T8 technology. I think it is wise to begin by discussing what T5 and T8 actually indicate. The letter 'T' in the lighting industry stands for "tubular." This makes sense when one considers that fluorescent tubes are in fact tubular. The number directly following the letter "T" indicates the thickness or diameter of that particular tube in eighths of an inch.

- T12 = twelve eighths of an inch in diameter or one and one-half inches thick
- T8 = eight eighths of an inch in diameter or one inch thick
- T5 = five eighths of an inch in diameter or five eighths of an inch thick

What have these alpha numeric codes come to mean?

As interest in energy saving technologies has grown and become popularized, these codes have come to designate levels of energy efficiency, instead of merely indicating lamp tube diameter. Assumptions of Efficiency:

- T12 = old and inefficient
- T8 = higher efficiency
- T5 = highest efficiency



Although, these assumptions are generally true, it is important to look at the application and determine the cost benefit of T5 over T8 in order to determine if the increased efficiency of T5 justifies the substantial increase in initial and long term maintenance costs

Why is T5 the best and how does that apply?

There are several different factors that determine levels of efficiency. Quality of light measured in CRI (Colour Rendering Index), quantity of light measured in LPW (Lumens per Watt) and CU (Co-efficiency of utilization.) The numbers being used for CU are general for those used in the low level (12 feet and under) multi-residential environment so there can be fluctuations.

CRI levels:

T12 = 62CRI
T8 = 85CRI
T5 = 85CRI

LPW levels:

T12 = 78LPW
T8 = 92LPW
T5 = 103LPW

CU (Generally):

T12 = .46CU
T8 = .76CU
T5 = .90CU

Considering these general factors, it is obvious that T5 is the best. But, how much better? With all factors weighed equally, a general presumption can be made, that:

- T8 is 40% more efficient than T12.
- T5 is 51% more efficient than T12.

Yet, T5 in this environment is only 9% more efficient than T8. This would never justify the substantial increase in fixture, lamp and ballast costs.

Furthermore, if energy savings is an issue, you can often lower the light output by 9 or 10 percent in order to recover the efficiency without any real impact to the perceived light levels.

General Assumptions of Cost

- T12 = lowest lamp, ballast and fixture cost
- T8 = approx. 20% more expensive than T12
- T5 = 3-4 times the cost of T8

PEMANTAPAN NILAI INTEGRITI INDIVIDU SEBAGAI TERAS PEMBANGUNAN ORGANISASI

Integriti merupakan satu konsep yang kompleks. Dalam konteks sesebuah organisasi, integriti menerangkan elemen tingkahlaku pekerja dan kejayaan yang melibatkan urusan yang adil, kejujuran dan kebolehpercayaan di tempat kerja.

Kepentingan Integriti di Kalangan Kakitangan

Integriti merupakan elemen penting kesejahteraan kakitangan sesebuah organisasi. Setiap individu bertanggungjawab terhadap pembentukan integriti diri mereka. Kakitangan yang berkualiti tinggi merupakan aset utama kejayaan sesebuah organisasi. Apabila terhakisnya nilai integriti maka akan wujudlah pelbagai kepercanggihan pentadbiran dan salah laku di sektor kerajaan mahupun swasta.

Integriti boleh dikekalkan dengan mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan hukuman yang konsisten dan berterusan. Sebagai penyelesaian kepada kemelut integriti, setiap individu perlu mengawal hawa nafsu, menyucikan hati, bertaqwa kepada Allah serta memantapkan aqidah dan akhlak tepuji.

Peranan Organisasi di dalam Pemantapan Integriti Individu

Bagi melahirkan kakitangan yang berintegriti tinggi, sesebuah organisasi haruslah bertindak proaktif mengambil langkah seperti berikut :

Memberi motivasi yang kuat dan matlamat yang teguh
Sentiasa member idorongan kepada kakitangan untuk menghayati nilai-nilai integriti secara mendalam dan menjadikan ianya sebagai amalan di dalam organisasi tersebut.

Pelan Pengukuhan Integriti

Memandangkan nilai individu boleh berubah mengikut masa dan situasi, organisasi perlu mengambil inisiatif untuk melakukan pemantauan, penyediaan persekitaran yang membina dan mewujudkan mekanisme penyelaan yang berkesan dari semasa ke semasa.

Kesimpulan

Staf yang berkualiti tinggi seterusnya menjadi pemangkin kepada pencapaian cemerlang misi dan visi organisasi. Sebagai penjawat awam pula, setiap individu seharusnya sentiasa menghayati nilai dan etika perkhidmatan awam yang terkandung dalam Tonggak Dua Belas.

Kesemua nilai-nilai ini adalah penting untuk memastikan pencapaian misi dan visi negara untuk melahirkan sumber manusia yang mempunyai kualiti bertaraf dunia.

Pengukuhan Integriti di CKE

Cawangan Kejuruteraan Elektrik sentiasa memastikan integriti setiap kakitangan berada ditahap yang cemerlang. Sehubungan dengan itu, berbagai pendekatan telah dilaksanakan dan ianya dipantau Jawatan Kuasa Pengukuhan Integriti peringkat Cawangan yang telah dibentuk pada awal tahun 2011 dan diketuai oleh Pegawai Integriti Cawangan iaitu Ir Hj Mohd Jahini Md Dom. Berikut adalah Ahli Jawatankuasa Pengukuhan Integriti CKE tahun 2011.

Bagian/Kump/Unit Pegawai Integriti

Unit Standard, Pengujian & Makmal	Moht Hanif B Jamaludin
BPR, Kump. A	Juhanis Mohd Alias
BPR, Kump. B	Norhazliza Bt. Mohamed Ibrahim
BPR, Kump. C	Pn. Teh Masnira Bt. Mohd Hassan
BPR, Kump. D1	Pn. Norehan
BPR, Kump. D2	Nurzarina Bt. Abu Bakar
BPR, Kump. E	Pn. Aiza Bt. Abdul Aziz
Unit Projek Khas	Mohamad Zaferuddin Md Ramlee
BPR, Kump. Tugas Khas	En. Mohd Shahrwan Bin Samsudin
Unit Perunding Akustik	Noor Faezah Binti Hamdi
Unit Inspektorat	Pn. Nurhuda Binti Azmi
Pengurusan Tenaga	
Unit Perunding	En. Noor Hezri Bin Md Rasid
Penyenggaraan	
Unit Perunding ICT	En. Esa Abd. Rahman
Bagian Penyelarasan & Khidmat Sokongan	Pn. Agata Anak Ngawang

Pegawai Integriti dari setiap unit di CKE bertanggungjawab memantau dan melaporkan aktiviti unit dalam Pelan Pencapaian Pelaksanaan Aktiviti PTPi setiap tahun. Pelan ini merangkumi 5 sasaran penting iaitu :

1. Institusi Pentadbiran
2. Institusi Keluarga dan Komuniti
3. Institusi Agama
4. Institusi Ekonomi
5. Masyarakat Sosio Budaya

5 Sasaran yang ditetapkan boleh dicapai melalui beberapa strategi dan program yang perlu dirancang oleh Pegawai Integriti unit dengan kerjasama Ketua Unit dan kakitangan lain. Strategi dan program yang telah dirancang pada awal tahun akan dilaporkan pelaksanaannya dalam Pelan Tindakan ini. Dengan adanya inisiatif ini, integriti semua kakitangan di CKE dapat diperkuatkan dari masa ke semasa dan diperkembangkan lagi dari pelbagai sudut serta perspektif.

Assalamualaikum dan Salam 1 Malaysia..

Syukur kehadiran ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, edisi pertama Buletin VIR bagi tahun 2012 dapat diterbitkan dengan jayanya. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada barisan sidang pengarang Buletin di atas kerjasama dan komitmen dalam menyalurkan idea bernas dan maklumat demi menghasilkan sebuah lagi Buletin VIR yang sarat dengan informasi berguna untuk tatapan pembaca sekalian.



Edisi kali ini menampilkan isu "Kecekapan Tenaga" sebagai fokus utama dan isu ini dikupas dari pelbagai sudut untuk santapan minda pembaca. Kecekapan tenaga atau Energy Efficiency adalah merujuk kepada tatacara penggunaan tenaga yang cermat, berhemat dan berjaksana, hanya juga salah satu program yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) baru-baru ini. Ini jelas menunjukkan bahawa isu kecekapan tenaga turut diberi perhatian sebagai salah satu agenda utama Negara seiring dengan pembangunan ekonomi dan teknologi di Malaysia. Bagi JKR dan CKE khususnya, aspek kecekapan tenaga diterapkan dalam setiap projek yang merangkumi pelbagai sudut seperti rekabentuk pencahayaan serta penggunaan jenis lampu yang cekap tenaga berasaskan dari spesifikasi dan pandangan yang telah dibangunkan.

Edisi kali ini juga diharapkan sedikit sebanyak dapat membuka ruang minda pembaca sekalian untuk bersama-sama mengaplikasi usaha meningkatkan kecekapan tenaga baik di rumah, pejabat atau di mana sahaja kita berada bagi menjamin bekalan tenaga yang berterusan disamping dapat sekaligus menangani fenomena pemanasan global.

Sekian, terima kasih.

Northdayah Jamaludin

EDITORIAL



Penaung

Ir. Hj. Mohd Fazli Bin Osman

Penasihat

En. Muhamed Tarmizy Bin Yaacob

Ketua Editor

Pn. Hanifah Binti Abdullah

Editor

Pn. Northdayah Binti Jamaludin

Sidang Pengarang

En. Mohamed Faizal Bin Abas

En. Hani Syezane Bt Hanun

Pn. Isdawati Binti Ismail

Pn. Agata Anak Ngawang

Pn. Siti Nurhaini Bt Ahmad Ridzuan

En. Mohd Merwan Bin Othman

Pn. Kristini Binti Madehi

En. Elfron Laskun

En. Hasroinizam Binti Hashim

En. Zulhifli Bin Mat Nasir

En. Firdaus Bin Mat Zin

Pn. Nurulhuda Binti Azmi

En. Noor Hazri Md Rasid

Pn. Haiziah Binti Hariff

Pn. Norzami Bin Husain

Pn. Noor Azila Binti Khazaimah

Pn. Juhanis Binti Mohd Alias

En. Amzar Bin Zubin

Pn. Mulaayu Binti Ramli

En. Reduan Bin Abdul Majid

Fotografi

En. Mohd Akmal Zubaidi

03

Integriti

Pemantapan Nilai Integriti Individu Sebagai
Teras Pembangunan Organisasi

04

Teknologi

T5 Lamp - A Brief Analysis

05

Kualiti

Audit Dalam SPK JKR ISO 9001:2008

07

Aktiviti SS

Pensijilan SS Oleh MAMPU

Anugerah Pensijilan SS

08

Diari CKE

Mesyuarat K/JEN Bil 2/2010

Anugerah Laman Web Terbaik

Anugerah CKE sepanjang tahun 2011

Lawatan Panel Penilai Anugerah Penganugerahan 2011

Mesyuarat Sektor Pakar

10

Akar

Jamuan Hari Raya CKE

Pertandingan Badminton, Bowling & Futsal 3 penjuru

12

Fokus Muka Hadapan

Definisi

Usaha Kerjasama Ke arah Kecekapan Tenaga

Usaha CKE Ke arah Kecekapan Tenaga

Tips Penjimatan Tenaga di Pejabat

16

Sekitar Ibu Pejabat

21

Rangkuman Negeri

24

Kursus Dan Seminar

Kursus Latihan Bengkel

Program Mentoring & coaching

Seminar teknikal

26

Kesihatan

Semakan di Pejabat

27

Rezeki Dan Pelue

Resepi

Puding Tapai

Ayam Masak Peprik

Pelus

Pilangian Kematu di Kuala Kaki

Menangani Anak

Jalangan Baru Hanyir Iken Sungai

Masalah Nasi Mentah

Air Liur Basil Mencapa Sistem Dalam Tubuh

KANDUNGAN



visionary.informative.responsive



Cawangan Kejuruteraan Elektrik

Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya Malaysia
Tingkat 7 - 12, Centerpoint North
The Boulevard, Mid Valley City
59200 Kuala Lumpur

Tel : +603.9235.4357

Fax : +603.2287.2859

rakan1.jkr.gov.my/cke

concept+printing :
www.tykomedia.asia | yusri@tykomedia.asia

PETUA

Hilangkan Kematu Di Kulit Kaki

Pilihan 1 :

Campurkan sebiji buah belimbing buluh dengan air limau nipis. Sapukan pada tempat yang kematu dan pecah-pecah.

Pilihan 2 :

Sapukan sedikit ubat gigi. Biarkan selama 5 minit. Kemudian basuh seperti biasa dengan sabun dan air biasa.

Menangani Anak

"Anek-anak ibarat kain putih. Ibu bapa/ah yang mencorakkannya menjadi yahudi, nasrani atau majusi."

- Jangan pukul anak dari lutut keatas.
- Jangan gunakan tangan/ anggota tubuh kita untuk memukul anak dengan tangan dan jangan sesekali menampar anak pakai tangan kita. Nanti anak jadi bertambah degil dan nakal.
- Rotan/ pukut anak dibelakang kakinya. Secara saintifiknya ada kaitan dengan refleksologi dan merangsang ke bahagian otak sabda Rasulullah s.a.w

Hilangkan Bau Hanyir Ikan Sungai

Bau hanyir ikan yang kita masak tidak cukup menyenangkan. Tapi untuk mengatasi masalah ini tidak susah, anda cuma perlu rendamkan ikan sungai yang telah disiang dengan air cucian beras. Biarkan selama beberapa minit, kemudian bilas dengan air bersih. Selepas itu bolehlah dimasak mengikut resipi kegemaran anda. Selain itu anda juga boleh rendamkan ikan dengan dengan air limau nipis. Ramas dan gaul bersama ikan. Perapkan beberapa minit kemudian bilas dengan air bersih. Pasti ikan tidak hanyir lagi..

Masalah Nasi Mentah

Sekiranya nasi yang kita masak tidak cukup masak atau mentah, jangan risau kerana masalah ini masih boleh diatasi. Caranya mudah saja. Anda hanya perlu isikan air panas kedalam sebiji mangkuk kecil yang tahan panas. Buatkan lekuk pada bahagian tengah nasi, kemudian masukkan mangkuk yang berisi air panas tadi. Tutup periuk rapat-rapat dan biarkannya diatas api yang perlahan beberapa minit sehingga nasi masak.

Air Liur Basi Mencerna Sistem Dalam Tubuh

Keberkesanan air liur basi bagaimanaupun hanya untuk keperluan diri sendiri dan bukan untuk dikongsi dengan orang lain. Cara amalnya hanya berkesan jika seseorang itu bangun dan dengan tidur terus meminum air putih biasetapa mencuci muka, berkumur atau membersihkan badan. Sistem rawatan tersebut telah menjadi amalan Rasulullah S.W.A dalam kehidupan hantaran baginda dan telah dikesan kemujarabannya oleh pakar sains perubatan moden. Nabi Muhammad semasa hayatnya akan meneguk air putih biasa terlebih dahulu sebelum baginda bersuci dan berwuduk menunaikan solat setiap pagi. Malah fungsi sumbersemula jadi pada diri seseorang termasuk air liur basi turut disebut dalam al-Quran serta hadis-hadis Nabi.

PUDING TAPAI UBI



BAHAN-BAHANNYA :

- ½ Ekor Ayam - Dipotong Kecil
- 4 Ules Bawang Merah - Ditumbuk
- 2 Ules Bawang Putih - Ditumbuk
- 1 Labu Bawang Besar - Dimayang
- 2 Batang Serai - Dititik
- 2 Biji Buah Tomato - Dipotong 4
- 5 Biji Cili Padi - Ditumbuk
- Bunga Kobis, Kacang Buncis / Panjang, Karot Dan Jagung Muda
- Sedikit Sos Tomato, Soscilli, Sostiram Dan Kicap Manis
- Bahan-bahan Perasa

CARA MEMBUATNYA :

Panaskan kuati, gorengkan ayam (agak-agak sampai masak, jangan terlalu garing).

Masukkan bawang merah, bawang putih dan cili yg ditumbuk, kacau sekejap.

Masukkan sos tomato, sos cili, sos tiram dan kicap manis. Biarkan mendidih sekejap dan masukkan pula sedikit air, masukkan serai, daun limau purut dan sayur-sayuran.

Bila sudah mendidih, masukkan bawang besar dan buah tomato, semasa menghidang, perahkan limau kasturi.



AYAM MASAK PAPRIK

BAHAN-BAHANNYA :

- 1 bungkus tapai ubi atau secukupnya
- Ais krim perisa vanilla atau ikut suka secukupnya
- Sedikit whipping cream
- Buah-buahan segar, (strawberry / raspberry / chocolate rise)

CARA MEMBUATNYA :

Sediakan gelas sesuai, letak 1/2 bahagian tapai ubi, kemudian letak 2 -3 camca besar ais krim vanilla, kemudian letak baki tapai dan diakhiri dengan eskrim, ralakan dan simpan dalam freezer sekejap saja.

Kemudian hias dengan whipping cream (beli yang dalam tin lagi mudah) dan letak buah2an segar alasnya atau tabur chocolate rice pun boleh..dan sedia untuk dimakan ...hmmmm sedapnya dimakan ketika cuaca panas.

Senaman Kurangkan TEKANAN DI PEJABAT

SEHARIAN bekerja sudah tentu melelahkan dan apabila pulang ke rumah, apa yang terfikir hanyalah berehat sambil menonton televisyen atau bersama keluarga.

Walaupun sibuk mana sekalipun, jangan hanya duduk sepanjang masa di pejabat. Ini kerana duduk mengadap komputer sepanjang hari bukan saja membuatkan badan berasa letih dan mengantuk tetapi boleh membuatkan emosi dan fizikal berasa tertekan.

